

16 JAN 1997

Siber

KERAJAAN DIMINTA MAKLUMKAN LEBIH DAHULU MENGENAI UNDANG-UNDANG SIBER

KUALA LUMPUR, 16 Jan (Bernama) -- Kerajaan harus memberi notis awal kepada orang ramai dan masyarakat antarabangsa siber mengenai empat rang undang-undang siber sebelum membentangkannya di Parlimen Mac ini, kata Setiausaha Agung DAP Lim Kit Siang hari ini.

Beliau berkata langkah itu bertujuan menunjukkan bahawa Malaysia serius dalam menawarkan Koridor Raya Multimedia (MSC) kepada industri Teknologi Maklumat (IT) dunia.

Memandangkan kerajaan telah menyiapkan draf rang undang-undang siber dan telah membentangkannya kepada Kabinet, tidak ada sebab mengapa ia tidak boleh diedarkan untuk tatapan orang ramai bagi mendapatkan maklumat balas, bukan sahaja di dalam negara tetapi juga daripada masyarakat antarabangsa siber, katanya dalam satu kenyataan di sini.

Rang undang-undang itu -- yang pertama dalam beberapa siri undang-undang siber bagi MSC -- adalah rang undang-undang Tandatangan Digital, Perlindungan Hak Intelektual Multimedia, Jenayah Komputer dan Pembangunan Teleubat.

Lim berkata kerajaan harus bersedia untuk membuat pindaan terhadap draf rang undang-undang siber itu berdasarkan reaksi orang ramai dan masyarakat siber walaupun sebelum ia dibentangkan pada persidangan Dewan Rakyat yang akan datang.

"Ini sangat penting kerana undang-undang siber merupakan perkara baru di dunia," katanya.

Beliau berkata ia juga merupakan satu langkah untuk menunjukkan kepada dunia bahawa Malaysia sangat serius dalam menawarkan MSC kepada industri IT dunia, dengan menjemput masyarakat siber antarabangsa untuk turut serta secara aktif dalam penggubalan undang-undang siber yang pertama di negara ini.

Lim membuat kenyataan itu ekoran lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Amerika Syarikat untuk mempromosikan MSC negara ini kepada bakal-bakal pelabur di sana. -- BERNAMA

ARA AKD